

# MALAYSIA BERSAMAMU

KUALA  
LUMPUR  
2017  
SUKAN SEA KE-29  
SUKAN PARA ASEAN KE-9



[ FOTO SOSMAN ADNAN / BH ]



Zylane beraksi dalam acara rutin solo bebas di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, semalam.

## Zylane tekad tebus kecewa

Atlet senior optimis pertahan emas bersama Hua Wei

Oleh Jumiati Rosly dan Aida Adilah Mat  
bhsukan@bh.com.my

Kuala Lumpur

**A**tlet senior negara, Zylane Lee Yhing Huey bertekad untuk bangkit menebus kekecewaan dan menghadiahkan emas buat negara apabila turun beraksi dalam rutin duet teknikal acara renang berirama, hari ini.

Selepas sekadar meraih perak dalam acara rutin solo bebas semalam, Zylane yakin dia bersama gandingannya, Gan Hua Wei berpeluang cerah mempertahankan emas yang dimenangi dua tahun lalu di Singapura.

"Kita memang kuat dan

sering berlatih dalam acara duet. Sebelum ini, saya tidak terlalu fokus dalam acara solo dan hanya mula berlatih apabila ia dipertandingkan di Sukan SEA kali ini.

"Disebabkan itu, saya lihat peluang kita untuk meraih emas dalam acara duet lebih cerah," katanya.

### Emas pertama Singapura

Dalam aksi solo bebas itu, Debbie Soh dari Singapura menghadiahkan emas pertama kepada Singapura apabila mengumpul 75 mata manakala rakan senegaranya, Miya Yong Hsing meraih gangsa 73.0333 mata.

Zylane yang beraksi berlatarbelakangkan lagu Kevin Vasquez mengumpul 74.7 mata, meluahkan rasa kecewa apabila tewas cuma 0.3 mata di belakang Debbie.

Seorang lagi perenang negara, Foong Yan Nie berpuas hati di tempat keempat dengan 71.8667 mata.

Sementara itu, Debbie berkata, dia gembira apabila dapat menghadiahkan pingat sulung buat kontinen Singapura.

"Tekanan itu memanglah ada tetapi saya mengambilnya dengan cara yang positif bagi memotivasi diri," kata perenang berumur 19 tahun itu.

